

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah suri rumah tangga, pecahan ikut gender, negeri, kaum dan kurungan pendapatan keluarga. Nyatakan peratusan perempuan yang menjadi suri rumah tangga.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perangkaan Malaysia tidak mempunyai statistik khusus mengenai bilangan suri rumah secara keseluruhan. Namun, statistik ini boleh dijana daripada Penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan setiap bulan melalui pendekatan isi rumah daripada kalangan mereka yang berstatus **luar tenaga buruh** melalui kriteria yang dipungut daripada soalan "kenapa tidak mencari kerja dalam minggu rujukan".

**Luar tenaga buruh** merujuk kepada mereka yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dan terdiri daripada **suri rumah**, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

**Berdasarkan maklumat berikut:**

- a. Bilangan penduduk yang berada di luar tenaga buruh (umur 15-64) kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga, Malaysia, mengikut **jantina**, sehingga separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) adalah lelaki sebanyak 2.2 juta dan wanita sebanyak 4.8 juta. Dari jumlah itu sebanyak 58,000 (ribu) iaitu 0.8 peratus lelaki adalah dikategorikan sebagai tidak berkerja kerana menjaga keluarga dan tidak ada pendapatan tetap. Manakala sebanyak 2.8 juta wanita, iaitu 41 peratus pula menjadi suri rumah kerana menjaga keluarga dan tidak ada pendapatan.
- b. Bilangan penduduk yang berada di luar tenaga buruh kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga mengikut **kumpulan etnik** utama, Malaysia, sehingga separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) adalah seperti berikut:

<b><u>Etnik</u></b>	<b>Penduduk luar tenaga buruh ('000)</b>	<b>Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga ('000)</b>	<b>Peratusan daripada penduduk luar tenaga buruh (%)</b>
Bumiputera	4,475.8	1,736.6	24.7
Cina	1,532.4	607.1	8.6
India	527.6	231.1	3.3

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

c. Bilangan penduduk yang berada di luar tenaga buruh kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga mengikut negeri , sehingga separuh tahun pertama 2016 (H1/2016) adalah seperti berikut :

Negeri	Penduduk luar tenaga buruh ('000)	Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga ('000)	Peratusan daripada penduduk luar tenaga buruh (%)
<b>Jumlah</b>	7,028.5	2,920.8	41.6
Johor	825.3	382.3	5.4
Kedah	517.3	190.5	2.7
Kelantan	449.7	141.2	2.0
Melaka	210.2	76.9	1.1
Negeri Sembilan	257.5	108.9	1.5
Pahang	373.5	146.1	2.1
Pulau Pinang	384.3	166.9	2.4
Perak	638.6	268.4	3.8
Perlis	65.8	25.6	0.4
Selangor	1,179.3	376.1	5.4
Terengganu	301.9	126.5	1.8
Sabah	801.5	456.9	6.5
Sarawak	592.3	289.0	4.1
W.P. Kuala Lumpur	398.7	149.3	2.1
W.P. Labuan	21.4	12.5	0.2
W.P. Putrajaya	11.3	3.7	0.1